



## Arahan Ketua Pengarah Kesihatan

### **Arahan bagi Menghendaki Semua Organisasi Jagaan Yang Diuruskan Yang Mempunyai Kontrak atau Perkiraan Dengan Mana-mana Pemegang Lesen Suatu Kemudahan atau Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta atau Pemegang Perakuan Pendaftaran Untuk Memberikan Maklumat**

#### **TUJUAN**

1. Arahan ini bertujuan menghendaki semua Organisasi Jagaan Yang Diuruskan (atau *Managed Care Organisations*, MCO) yang mempunyai kontrak atau perkiraan dengan mana-mana pemegang lesen kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau pemegang perakuan pendaftaran supaya mengemukakan maklumat organisasi dan butiran kontrak yang berkaitan kepada Ketua Pengarah Kesihatan bagi tujuan pemantauan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

#### **LATAR BELAKANG**

2. Merujuk kepada seksyen 82 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], "Organisasi jagaan yang diuruskan" ertinya mana-mana organisasi atau badan, yang dengannya suatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta membuat kontrak atau mempunyai perkiraan atau bertujuan untuk membuat kontrak atau mempunyai perkiraan untuk menyediakan jenis atau kualiti atau kuantiti tertentu jagaan kesihatan dalam suatu sistem kewangan tertentu melalui salah satu atau gabungan cara yang berikut:
  - 2.1. menyampaikan atau memberikan jagaan kesihatan kepada pengguna melalui pemberi jagaan kesihatan organisasi atau badan itu sendiri atau pemberi jagaan kesihatan pihak ketiga mengikut kontrak atau perkiraan antara semua pihak yang berkenaan; atau

- 2.2. memberikan perkhidmatan jagaan kesihatan kepada pekerja atau orang berdaftar bagi pihak pembayar termasuk orang perseorangan, majikan atau pembiaya mengikut perjanjian kontraktual antara semua pihak yang berkenaan.
3. Dalam konteks semasa, istilah *Managed Care Organisations* atau MCO digunakan secara bersilih ganti dengan istilah pentadbir pihak ketiga atau *Third-Party Administrator* atau TPA.
4. Untuk memperkukuh ketelusan dan memudahkan komunikasi serta tindakan penyelarasan pengoperasian, Kementerian Kesihatan dengan ini mengambil langkah untuk mengumpul maklumat secara berpusat mengenai entiti yang menjalankan fungsi MCO atau TPA dalam sektor jagaan kesihatan swasta.

#### **PUNCA KUASA**

5. Arahan ini dikeluarkan berdasarkan peruntukan subseksyen 85(1) Akta 586, yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk meminta maklumat daripada Organisasi Jagaan Yang Diuruskan yang mempunyai kontrak atau perkiraan dengan pemegang lesen atau pemegang perakuan pendaftaran. Petikan subseksyen 85(1) adalah seperti berikut:

*"85. (1) Sesuatu organisasi jagaan yang diuruskan atau tuan punya sesuatu organisasi jagaan yang diuruskan yang mempunyai kontrak atau perkiraan dengan pemegang lesen suatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau pemegang perakuan pendaftaran hendaklah memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan organisasi itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah."*

6. Butiran yang berkenaan daripada maklumat yang diperolehi tersebut akan dimasukkan ke dalam Daftar Organisasi Jagaan Yang Diuruskan (Daftar MCO) sebagaimana kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah yang diperuntukkan dalam seksyen 86 Akta 586 seperti berikut:

*"86. Ketua Pengarah hendaklah menyenggara suatu Daftar organisasi jagaan yang diuruskan yang mempunyai apa-apa kontrak atau perkiraan dengan mana-mana pemegang lesen kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau mana-mana pemegang perakuan pendaftaran dan Daftar itu boleh mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Ketua Pengarah."*

## MAKLUMAT YANG DIKEHENDAKI

7. Semua Organisasi Jagaan Yang Diuruskan yang mempunyai kontrak atau perkiraan dengan mana-mana pemegang lesen kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau pemegang perakuan pendaftaran **diwajibkan** untuk mengemukakan maklumat berikut:
  - 7.1. Butiran organisasi: nama penuh syarikat atau organisasi, nombor pendaftaran syarikat, alamat berdaftar, nombor telefon, emel rasmi, laman web (jika ada);
  - 7.2. Butiran pegawai bertanggungjawab: nama, jawatan, nombor kad pengenalan pegawai, nombor telefon dan emel;
  - 7.3. Salinan dokumen berkaitan: Borang 9 (sijil pendaftaran syarikat), Borang 24 (maklumat pemegang saham), Borang 44 (maklumat alamat berdaftar) dan Borang 49 (maklumat pengarah) di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];
  - 7.4. Kontrak antara Organisasi Jagaan Yang Diuruskan dan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta
  - 7.5. Lain-lain maklumat yang diperlukan oleh Ketua Pengarah Kesihatan dari semasa ke semasa

## DAFTAR MCO

8. Butiran Organisasi Jagaan Yang Diuruskan akan dimasukkan ke dalam daftar MCO setelah semua maklumat diterima. Setiap Organisasi Jagaan Yang Diuruskan akan diberi nombor Daftar MCO sebagai pengesahan.
9. Daftar ini akan disenggara oleh Ketua Pengarah Kesihatan menurut seksyen 86 Akta 586. Daftar ini akan digunakan untuk tujuan pemantauan dan komunikasi. Ketua Pengarah berhak menentukan butir yang disimpan dalam Daftar MCO tertakluk pada keperluan.

## KAEDAH MENGEMUKAKAN MAKLUMAT

10. Maklumat hendaklah dikemukakan melalui borang dalam talian rasmi Kementerian Kesihatan di pautan: <https://forms.gle/uq6TZFG5wTnhViHB6> atau imbas kod QR yang disertakan.

11. Semua dokumen yang diperlukan hendaklah dimuat naik dan sekiranya organisasi memiliki kesukaran teknikal, penghantaran maklumat atau dokumen boleh dibuat melalui emel rasmi [mcofee@moh.gov.my](mailto:mcofee@moh.gov.my).
12. Pegawai yang bertanggungjawab yang mengemukakan maklumat bagi pihak Organisasi Jagaan Yang Diuruskan hendaklah memastikan bahawa maklumat yang dikemukakan adalah benar dan tepat.

#### PEMAKAIAN

13. Arahan ini terpakai kepada
  - 13.1. Semua Organisasi Jagaan Yang Diuruskan seperti ditakrifkan dalam seksyen 82 Akta 586 yang mempunyai kontrak atau perkiraan dengan mana-mana pemegang lesen atau pemegang perakuan pendaftaran; dan
  - 13.2. Mana-mana entiti yang menjalankan fungsi MCO atau TPA bagi pihak pembayar atau pemberi manfaat yang memenuhi takrifan tersebut walaupun beroperasi sebagai bahagian dalam entiti korporat atau lain-lain entiti yang lebih besar.

#### PEMATUHAN

14. Kegagalan Organisasi Jagaan Yang Diuruskan untuk memberikan maklumat yang dikehendaki adalah suatu kesalahan di bawah subseksyen 85(2) dan 85(3) Akta 586 yang boleh mengakibatkan tindakan undang-undang dan jika disabit kesalahan boleh didenda antara satu ratus ribu ringgit hingga tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

#### TARIKH KUAT KUASA

15. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Semua Organisasi Jagaan Yang Diuruskan dikehendaki mengemukakan maklumat lengkap melalui borang dalam talian selewat-lewatnya pada 31 Januari 2026.



Ketua Pengarah Kesihatan

25 November 2025

Ruj. Fail : KKM.87/A9/7/293 Jld 3 (10)

**BORANG MAKLUMBALAS**

Pengarah  
Bahagian Amalan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 7, Blok E1, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA  
**(u.p: Dr Harshinderjeet / Dr Shamini Sundaralingam)**

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr / Tuan / Puan,

**ARAHAN BAGI SEMUA ORGANISASI JAGAAN YANG DIURUSKAN YANG  
MEMPUNYAI KONTRAK ATAU PERKIRAAN DENGAN MANA-MANA PEMEGANG  
LESEN SUATU KEMUDAHAN ATAU PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN  
SWASTA ATAU PEMEGANG PERAKUAN PENDAFTARAN UNTUK  
MEMBERIKAN MAKLUMAT**

Sukacita dipohon YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr / Tuan / Puan untuk memberikan maklum balas secara atas talian melalui pautan <https://forms.gle/uq6TZFG5wTnhViHB6> atau dengan mengimbas kod QR di lampiran ini selewat-lewatnya pada **31 Januari 2026**.



MCO INFORMATION

Terima kasih atas maklum balas yang telah diberikan.